



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PENGANJURAN HARI INOVASI KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2015 “INOVASI MEMACU PRODUKTIVITI”

1. Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya telah diadakan sejak tahun 2010 bagi menggantikan Hari Kualiti yang telah diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1987. Hari Inovasi diadakan pada setiap tahun selaras dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berasaskan inovasi dan kreativiti.
2. Tema Hari Inovasi KKR pada tahun ini adalah ‘Inovasi Memacu Produktiviti’.
3. Pelbagai program inovasi diadakan bagi melahirkan idea-idea inovatif dan kreatif di kalangan warga Kementerian Kerja Raya. Bersempena dengan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya 2015, **4 program inovasi** telah diaturkan iaitu **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Pameran Inovasi, Ceramah Inovasi dan Anugerah Inovasi.**
4. Bagi tahun 2015, sebanyak 5 anugerah dipertandingkan. Antaranya adalah **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** yang telah diadakan pada **27 Oktober 2015** lalu. **Anugerah ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori pengurusan dan kategori teknikal.** Kriteria penilaian bagi kedua-dua anugerah ini dinilai dari aspek penilaian projek KIK melalui dokumentasi, penilaian persembahan projek KIK dan penilaian pameran projek KIK.
5. Manakala anugerah-anugerah lain yang telah dipertandingkan adalah seperti **Anugerah Inovasi ICT, Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat dan Anugerah Inovasi Pengurusan Projek.** Senarai pemenang anugerah inovasi yang dipertandingkan adalah seperti di **Lampiran.**

1/2

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerjaRaya) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)

6. **Pemenang-pemenang johan anugerah Inovasi KKR bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:-**

### **KATEGORI TEKNIKAL**

#### **PERTAMA**

Nama Kumpulan: INSPIRA

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Nama Projek: Tempoh Transaksi Bayaran Tol Bagi Kenderaan PDRM di Lebuhraya Bertol Mengambil Tempoh Masa yang Lama

### **KATEGORI PENGURUSAN**

#### **PERTAMA**

Nama Kumpulan: PRO-OPS

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Nama Projek: Kesukaran Memantau Status Permohonan Pembangunan Tepi Lebuhraya (PTL)

### **ANUGERAH INOVASI ICT (AIICT)**

#### **PERTAMA**

Bahagian Teknologi Maklumat

Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya (JKR)

Nama Projek: Sistem Latihan

7. Manakala bagi **Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK)**, panel penilai memutuskan Kumpulan KIK dari Unit Audit Dalam KKR ditabalkan mendapat tempat ketiga.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**29 Oktober 2015**